

Headline	RHB, Tokio Marine lancar pelan pembayaran terhad		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	17 Jun 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	19
ArticleSize	92 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,596		



## RHB, Tokio Marine lancar pelan pembayaran terhad

**KUALA LUMPUR 16 Jun** - RHB Bank Bhd. dan rakan bankasurans Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. (Tokio Marine) melancarkan pelan insurans hayat Essential PrimeLink.

Pengarah Eksekutif Perbankan Runcit Kumpulan Perbankan RHB, U Chen Hock berkata, menerusi pelancaran pelan baharu itu, RHB menyasarkan premium tetap RM6 juta bagi tempoh enam bulan akan datang.

Beliau berkata, Essential PrimeLink bermatlamat memberi ketenangan fikiran kepada

pelanggan berdasarkan jaminan yang mereka perlukan serta fleksibiliti untuk meningkatkan tahap pelaburan berasaskan keperluan kewangan masing-masing.

Katanya, pelan itu menawarkan peluang pelaburan bagi membantu pelanggan merealisasikan matlamat kewangan dengan lebih cepat dan pelanggan kini berasa yakin terhadap masa depan mereka.

“Essential PrimeLink merupakan pelan menyeluruh berkaitan pelaburan yang menawarkan peluang untuk pelanggan mengem-

bankan kekayaan menerusi dana yang diurus Tokio Marine, bermatlamat memaksimumkan potensi pulangan jangka sederhana dan panjang,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Chen Hock berkata, pelan itu memberi akses kepada dana diurus secara aktif yang berusaha memaksimumkan pulangan dalam jangka sederhana dan panjang.

Pelan itu juga katanya, menyediakan perlindungan ke atas kematian dan hilang upaya kekal sehingga usia 85 tahun. - BERNAMA